

Bil. S 90

**AKTA KESALAHAN-KESALAHAN KECIL
(PENGAL 30)**

**ATURAN-ATURAN KESALAHAN-KESALAHAN KECIL
(CARA DAN PROSEDUR UNTUK MENGKOMPAUN), 2006**

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

1. Gelaran.
 2. Borang.
 3. Bayaran.
 4. Resit.
 5. Kesan bayaran.
 6. Pengeluaran saman.
-

**AKTA KESALAHAN-KESALAHAN KECIL
(PENGAL 30)**

**ATURAN-ATURAN KESALAHAN-KESALAHAN KECIL
(CARA DAN PROSEDUR UNTUK MENGOMPAUN), 2006**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraan (3) bab 38A dari Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

Gelaran.

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Kesalahan-Kesalahan Kecil (Cara dan Prosedur untuk Mengkompaun), 2006.

Borang.

2. Suatu tawaran untuk mengkompaun hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bayaran.

3. (1) Apabila suatu tawaran untuk mengkompaun sebarang kesalahan dibuat dan diterima, bayarannya hendaklah dibuat dengan wang tunai, di tempat di mana tawaran itu dibuat atau di pejabat atau ibu pejabat polis di Daerah Polis yang berkenaan yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun itu.

(2) Tertakluk kepada aturan kecil (3), bayaran tersebut hendaklah dibuat dalam masa 7 hari dari tarikh tawaran itu dibuat.

(3) Apabila suatu rayuan dibuat, Pengerusi mana-mana Lembaga Bandaran, Pegawai Daerah, Ketua Pengarah Kerja Raya, Pegawai Memerintah Daerah Polis atau Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, mengikut mana yang berkenaan, boleh melanjutkan tempoh yang disebut dalam aturan kecil (2) kepada 14 hari jika difikirkannya patut.

Resit.

4. Apabila bayaran dibuat menurut aturan kecil (1) aturan (3), suatu resit hendaklah dikeluarkan bagi bayaran tersebut kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

Kesan bayaran.

5. Setelah sejumlah wang bagi tawaran untuk mengkompaun itu dibayar, tindakan lanjut tidak boleh diambil terhadap orang yang telah disyaki dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan.

Pengeluaran saman.

6. Mana-mana orang yang —

(a) gagal hadir di pejabat atau ibu pejabat polis di Daerah Polis yang berkenaan yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun itu;

(b) gagal membuat bayaran dalam tempoh yang disebut dalam aturan kecil {2} atau {3} aturan 3; atau

(c) memberi sebarang maklumat yang palsu atau mengelirukan,

hendaklah dikeluarkan dengan suatu saman.

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 12 haribulan Oktober, 2006.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO PADUKA
HAJI AWANG ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA HAJI AWANG MOHD. YUSOF,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.